

🏠 Utama / Berita Utama / Melaka harap kementerian pertimbang bina replika Kapal Mendam Berahi

Berita Utama

Melaka harap kementerian pertimbang bina replika Kapal Mendam Berahi

Bukan sahaja papar kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, malah bukti Melayu mampu bina kapal gergasi digeruni

👤 Ainul Illia · 3 weeks ago

💬 0 📖 1 minute read



📷 Gambar hiasan: Ilustrasi artis

MELAKA, 30 Zulkaedah 1444H, Isnin – Kerajaan Melaka berharap Kementerian Perpaduan Negara mempertimbangkan untuk membina dan menempatkan replika Kapal Mendam Berahi di negeri itu menjelang Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM 2024).

Timbalan Exco Pelancongan, Warisan, Seni dan Budaya negeri, Datuk Zaidi Attan berkata, kapal berkenaan yang dipercayai wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka merupakan tinggalan sejarah yang perlu diwarisi kepada generasi muda sekali gus boleh dijadikan satu daripada produk pelancongan di negeri itu.

"Seperti yang disebutkan oleh Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Ali Rustam dalam ucapan ketika lafaz perasmian tadi, beliau berharap satu replika Kapal Mendam Berahi dapat dibina di Klebang pada tahun hadapan.

"Kapal Mendam Berahi menunjukkan kehebatan dan kegemilangan bukan sahaja Kesultanan Melayu Melaka tetapi juga masyarakat Melayu pada zaman dahulu yang berupaya membina kapal gergasi yang amat digeruni pihak lawan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Seminar 'Kapal Mendam Berahi: Realiti atau Mitos?' oleh Mohd Ali di sini hari ini.